

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 161/2021	Perkhidmatan Memperbaharui Lesen Dan Penyelenggaraan Perisian Anti Virus Panda	KKM (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	210101 / 210104 / 210107	RM50.00	2 November 2021 Hingga 16 November 2021
MPKj S 162/2021	Pembelian Ink, Catridge, Toner Dan Alat Tulis Komputer Bil-1/2021	KKM	210101		
MPKj S 163/2021	Cadangan Menaiktaraf Taman Di Kawasan Lapang Jalan Desa Wangsa 1, Taman Desa Wangsa, Jalan Koop Cuepacs 2B, Taman Koperasi Cuepacs Fasa 1 Dan Jalan Bunga Mawar 4, Taman Suria Jaya, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	CIDB G1	CE21		
MPKj S 164/2021	Kerja-Kerja Naiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan Seri Budiman 2/1, Taman Seri Budiman, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan		CE14		
MPKj S 165/2021	Perkhidmatan Membekalkan Tong Sampah Jenis 'Leach Bin' 1500L Di Bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang	KKM	080101 / 080199		
MPKj S 38/2021	Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan & Kawalan Denggi Menggunakan Kaedah 'Mistaway' Di Kawasan Pentadbiran Mpkj Bagi Tahun 2021		220901		
MPKj S 91/2021	Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Denggi Bagi Tahun 2021 Dikawasan Majlis Perbandaran Kajang - Zon 5 (Semenyih)				
MPKj S 92/2021	Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Denggi Bagi Tahun 2021 Dikawasan Majlis Perbandaran Kajang - Zon 2 (Bangi)				
MPKj S 93/2021	Perkhidmatan Bagi Menjalankan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Denggi Bagi Tahun 2021 Dikawasan Majlis Perbandaran Kajang - Zon 1 (Kajang)				

**DOKUMEN MEJA TERKAWAL**

Penyebutharga boleh merujuk Dokumen Meja Terkawal di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <http://www.mpkj.gov.my/ms>.

**Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.**

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

**Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.**

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **2 NOVEMBER 2021 HINGGA 16 NOVEMBER 2021**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

**TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan. Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan menggunakan perkhidmatan **POS BERDAFTAR/ KURIER** sahaja dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 16 NOVEMBER 2021 (SELASA) JAM 12.00 TENGAHARI** di alamat:

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kajang  
(Peti Sebutharga/ Tender)  
Aras Bawah, Bahagian Bekalan Dan Perolehan  
Menara MPKj  
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih  
43000 Kajang  
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

**LAWATAN TAPAK**

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutharga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutharga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).